

Kerjasama keamanan

TOKYO, Khamis — Masanya sudah tiba bagi semua negara Asia Timur untuk melancarkan satu proses dengan matlamat terakhirnya mewujudkan satu zon kerjasama keamanan dan kemakmuran yang menjangkau dari Jakarta hingga Tokyo, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, proses itu hendaklah mengatasi dan mendahului segala proses lain yang sedia wujud.

Beliau berkata, satu daripada dua keperluan segera Asia Timur ialah mempergunakan kesempatan daripada kekuatan tenaga dan peluang kerjasama serantau bagi memaksimumkan kemajuan ekonomi bersama jangka pendek, sederhana dan jangka panjang rantau ini.

Keperluan kedua, katanya, ialah mewujudkan gabungan produktif bagi memastikan kejayaan rundingan ekonomi pusingan Uruguay, mengekalkan sistem perdagangan pelbagai hala sedunia yang terbuka dan bagi mencapai matlamat bukan perdagangan lain yang produktif untuk kepentingan ekonomi serantau dan sedunia.

Dr Mahathir mengemukakan saranan ini dalam ucapan dasarnya yang dibentangkan di persidangan mengenai 'Peranan Asia dan Perubahan Orde Dunia' anjuran The Asia Society di sini, hari ini.

Beliau berkata, negara Asia Timur mempunyai hak menghendaki rantau ini menjadi satu zon kerjasama keamanan dan kemakmuran yang berterusan, dengan penduduk hidup dalam keharmonian produktif.

"Jika (proses) ini mengambil masa 100 tahun, adalah lebih baik ia dimulakan segera dan adalah lebih wajar untuk bermula dalam keadaan yang paling baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, Asia Timur yang menghasilkan banyak keajaiban ekonomi pada abad ke-20 akan terus melahirkan banyak lagi keajaiban ekonomi pada abad ke-21.

"Keadaan dan suasana strategik bahagian dunia sebelah sini adalah lebih baik sekarang daripada pada masa lalu," katanya.

Menurutnya, sejak beberapa ratus tahun yang lalu, Eropah dan kemudiannya masyarakat Atlantik Utara menjadi tumpuan dunia, walaupun peradaban yang paling agung bermula di Asia.

Penduduk Asia menderita daripada keputusan dan peristiwa yang dilakukan di tempat lain.

"Secara praktiknya, kita tidak pernah menjadi 'puncunya' hampir sentiasa 'akibatnya'.

"Kita di Asia hanya di pingiran. Kita di Asia Timur sangat jauh di pingiran hinggalah kita dipanggil, malah menggelarkan diri kita 'Timur Jauh'," katanya.

Dr Mahathir berkata, Asia Timur mungkin tidak akan lagi menjadi tumpuan dunia. "Tetapi sekurang-kurangnya kita haruslah menjadi pusat dunia kita. Kita berkewajipan memastikan sejarah Asia Timur akan ditempatkan di Asia Timur untuk Asia Timur dan oleh penduduk Asia Timur".

Menurut Perdana Menteri, langkah mewujudkan zon kerjasama keamanan dan kemakmuran itu wajar dimulakan sekarang kerana keadaan strategik di Asia Timur adalah lebih baik pada masa ini berbanding sejak satu setengah abad yang lalu.

"Ada yang berkata, 'Jika ia tidak rosak, jangan perbaikinya'. Kebanyakan kita di Asia Timur percaya kepada prinsip 'kaizen' bahawa kemajuan harus datang bukan dengan satu loncatan besar tetapi dengan langkah kecil yang berterusan," ujarnya.

Beliau berkata, adalah lebih baik untuk mewujudkan ketenteraman ke-

tika aman dan mengejar keamanan sewaktu berjaya.

"Dan kita mestilah bersama mewujudkan keamanan dan kemakmuran di Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir menggesa Jepun, China dan negara-negara terkemuka di Asia Timur yang lain menyediakan pimpinan.

Kepimpinan yang dimaksudkan, katanya, adalah seperti Asean di mana biasanya kepemimpinan bererti sensitif dan bertimbang rasa kepada yang lain.

Di dalam kebijaksanaan, usaha tanggungjawab dan pengorbanan — bukan kepemimpinan dalam memerintahkan keputusan dan mengaut faedahnya.

Perdana Menteri berkata, beliau sangat komited kepada Asean dan berpegang teguh kepada kerjasama Selatan-Selatan, G-15, OIC, Komanwel, pengwujudan masyarakat Asia Tenggara yang aman dan berkongsi kemajuan, memperkaya dan mengukuhkan kerjasama dan saling pergantungan pasifik dan penubuhan Orde Dunia Baru dan lebih baik.

"Bagi semua komitmen dan kepercayaan ini, saya tidak memohon maaf. Saya juga tidak kesal terhadap harapan saya untuk dan komitmen kepada Asia Timur," tegasnya.